

**RUMAH KOS RENDAH (RKR) / RUMAH AWAM KOS RENDAH (PAKR) / RUMAH SELANGOR JENIS A /
KOS SEDERHANA RENDAH**

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan bermastautin di Negeri Selangor.
2. Tempoh pemilikan hartanah mestilah mencukupi 5 tahun daripada tarikh perjanjian jual beli / kontrak lelongan sebelum boleh dijual semula (sub-sale).
3. Had jumlah pendapatan bakal pembeli atau isi rumah (suami dan isteri) di tetapkan berdasarkan julat harga pasaran hartanah seperti di jadual di bawah :

Bil.	Julat Harga Pasaran (Jenis A/RKR/KSR/ setaraf dengannya)	Had Pendapatan Isi Rumah dibenarkan (RM)
1.	RM 100,000.00 dan ke bawah	5,000.00
2.	RM 100,001.00 - RM 250,000.00	7,000.00
3.	RM 250,001.00 - RM 300,000.00	9,000.00
4.	RM 300,001.00 dan ke atas	10,000.00

4. Bakal pembeli atau pasangan (suami/isteri) **tidak memiliki sebarang rumah di Negeri Selangor atau dalam kawasan Lembah Klang.**
5. Bakal pembeli atau pasangan (suami/isteri) **hendaklah menetap atau bekerja dalam negeri Selangor atau dalam kawasan Lembah Klang.**
6. Bagi kes-kes Pindah Milik kasih sayang/rela hati tanpa paksaan yang tiada hubungan kekeluargaan dan belian/pemilikan secara lelongan dari tarikh mementerai kontrak lelongan (Perisytiharan Jualan) masih tertakluk kepada syarat tempoh 5 tahun. Selain daripada kes di atas seperti pesaka dan perintah mahkamah tidak tertakluk kepada syarat-syarat kebenaran pindah milik. Walau bagaimanapun, **penerima masih perlu berdaftar dengan LPHS mengikut prosedur permohonan kebenaran pindah milik.**

RUMAH SELANGORKU (JENIS B, C & D)

1. Warganegara Malaysia berumur **18 tahun ke atas dan bermastautin di Negeri Selangor.**
2. Pendapatan pembeli atau isi rumah (suami dan isteri) **tidak melebihi RM15,000.00.**
3. Bakal pembeli atau pasangan (suami/isteri) **tidak memiliki sebarang rumah di Negeri Selangor atau dalam kawasan Lembah Klang.**
4. Bakal pembeli atau pasangan (suami/isteri) **hendaklah menetap atau bekerja dalam negeri Selangor atau dalam kawasan Lembah Klang.**
5. Tempoh pemilikan hartanah mestilah mencukupi 5 tahun daripada tarikh perjanjian jual beli / kontrak lelongan sebelum boleh dijual semula (sub-sale).
6. Bagi kes-kes Pindah Milik kasih sayang/rela hati tanpa paksaan yang tiada hubungan kekeluargaan dan belian/pemilikan secara lelongan dari tarikh menterai kontrak lelongan (Perisytiharan Jualan) tertakluk kepada syarat tempoh 5 tahun. Selain daripada kes di atas seperti pesaka dan perintah mahkamah tidak tertakluk kepada syarat-syarat kebenaran pindah milik. Walau bagaimanapun, **penerima masih perlu berdaftar dengan LPHS mengikut prosedur permohonan kebenaran pindah milik.**

HARTANAH HARGA KAWALAN (RUMAH SELANGOR) KEDAI / KILANG

1. Warganegara Malaysia berumur **18 tahun ke atas dan bermastautin di Negeri Selangor.**
2. Had jumlah pendapatan di tetapkan berdasarkan harga pasaran kedai dan kilang (harga rendah) seperti jadual berikut :

Bil.	Julat Harga Pasaran Hartanah Komersial (Harga Rendah)	Had Pendapatan (RM)
1.	RM 120,000.00 – RM 180,000.00	10,000.00
2.	RM 180,001.00 – RM 240,000.00	12,000.00
3.	RM 240,001.00 – ke atas	15,000.00

3. Tempoh pemilikan hartanah **mestilah mencukupi 5 tahun daripada tarikh Certificate of Fitness (CF) / Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)** diterima bagi pemilik pertama. Sementara bagi transaksi ketiga dan seterusnya tempoh lima (5) tahun berasaskan perjanjian jual beli / Kontrak Lelongan.
4. Bakal pembeli atau pasangan (suami/isteri) **tidak memiliki sebarang hartanah komersial di Negeri Selangor.**
5. Bakal pembeli atau pasangan (suami/isteri) hendaklah **menetap atau bekerja dalam Negeri Selangor / kawasan Lembah Klang.**
6. Bagi kes-kes Pindah Milik kasih sayang/rela hati tanpa paksaan yang tiada hubungan kekeluargaan dan belian / pemilikan secara lelongan dari tarikh menterai kontrak lelongan (Perisytiharan Jualan) masih tertakluk kepada syarat tempoh 5 tahun. Selain daripada kes di atas seperti pesaka dan perintah mahkamah tidak tertakluk kepada syarat-syarat kebenaran pindah milik. Walau bagaimanapun, **penerima masih perlu berdaftar dengan LPHS mengikut prosedur permohonan kebenaran pindah milik.**

RUMAH SELANGORKU – BOUTIQUE OFFICE / PANGSAPURI PERKHIDMATAN (SERVICE APARTMENT)

1. Warganegara Malaysia berumur **21 tahun ke atas dan berrmastautin di Negeri Selangor.**
2. **Pendapatan pembeli atau isi rumah (suami dan isteri) tidak melebihi RM20,000.00.** Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang berpendapatan di bawah RM15,000.00.
3. Tempoh pemilikan hartanah mestilah **mencukupi 5 tahun daripada tarikh Certificate of Fitness (CF) / Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)** diterima bagi pemilik pertama. Sementara bagi transaksi ketiga dan seterusnya tempoh lima (5) tahun berasaskan perjanjian jual beli / kontrak lelongan.
4. Bakal pembeli atau pasangan (suami/isteri) **tidak memiliki sebarang hartanah komersial di Negeri Selangor dan kawasan Lembah Klang.**
5. Bakal pembeli atau pasangan (suami/isteri) hendaklah **menetap atau bekerja dalam Negeri Selangor / kawasan Lembah Klang.**
6. Bagi kes-kes Pindah Milik kasih sayang/rela hati tanpa paksaan yang tiada hubungan kekeluargaan dan belian / pemilikan secara lelongan dari tarikh menterai kontrak lelongan (Perisytiharan Jualan) masih tertakluk kepada syarat tempoh 5 tahun. Selain daripada kes di atas seperti pesaka dan perintah mahkamah tidak tertakluk kepada syarat-syarat kebenaran pindah milik. Walau bagaimanapun, **penerima masih perlu berdaftar dengan LPHS mengikut prosedur permohonan kebenaran pindah milik.**